

PM yakin tuntutan tidak dihampakan

Pekerja MAS berhak dapat layanan baik

BM - 8 SEP 1991

Oleh WAN HAMIDI HAMID

KUALALUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yakin pihak **pengurusan Penerbangan Malaysia (MAS)** tidak akan menghampakan tuntutannya untuk mendapatkan kenaikan gaji dan faedah kerja.

Beliau berkata, jika pihak pengurusan **MAS** dirasakan tidak berlaku adil, cara terbaik menyelesaikan tuntutan itu ialah melalui rujukan kepada pihak ketiga, iaitu menggunakan timbangtara.

"Sementara itu, perkhidmatan **MAS** hendaklah diteruskan dengan mutu yang tinggi. Percayalah, perkhidmatan yang baik tidak akan merugikan sesiapa, sebaliknya perkhidmatan buruk akan merugikan semua, walaupun mendapat keuntungan jangka pendek," katanya.

Perdana Menteri berkata, **MAS** adalah antara beberapa syarikat penerbangan yang maju dan berjaya, walaupun hampir semua syarikat penerbangan di Amerika Syarikat dan Eropah mengalami kerugian dan muflis.

Katanya, syarikat penerbangan besar dunia mengalami masalah kerana pengurus dan pekerja mereka lebih mengutamakan kepentingan diri dan bukannya kepentingan syarikat.

"Mereka menganggap syarikat wujud untuk mereka saja dan bukan untuk kepentingan penumpang atau syarikat serta masa de-

pannya. Dengan peningkatan kos dan kemerosotan perkhidmatan, syarikat gergasi pun akhirnya menjadi lemah dan muflis." katanya.

Berucap merasmikan mesyuarat agung Kesatuan Pekerja Sistem Penerbangan Malaysia **Semenanjung Malaysia (Maseu)**, di sini semalam, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata negara bernasib baik kerana pekerja **MAS** mengutamakan pelanggan dengan memberi perkhidmatan baik.

"Dengan kejayaan ini, apakah pekerja yang menyjayakan **MAS** tidak berhak mendapat layanan yang baik? Sudah tentu mereka berhak. Soalnya ialah apakah yang dianggap layanan adil dan saksama," katanya.

Maseu yang mewakili 13,000 kakitangan, antaranya menuntut kenaikan gaji asas 20 peratus, kenaikan gaji tahunan 10 peratus dan tambahan 10 peratus bagi kenaikan setiap gaji permulaan.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berharap pekerja **MAS** dan **Maseu** tidak membela-kangkan harapan negara, khususnya bagi menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020.

Sementara itu, Pengerusi **MAS**, Tan Sri Zain **Azraai Zainal Abidin**, berkata tuntutan kakitangan **MAS** akan diselesaikan bersama melalui rundingan semua pihak.

Katanya, beliau tidak pernah menganggap kesatuan sebagai penentang kepada pengurusan dan Lembaga Pengarah **MAS**, sebaliknya sebagai satu pasukan bersama.